

"Sudah tentu peranan senior adalah untuk membantu junior dalam mengenal dunia kehidupan yang lebih mencabar di universiti serta mendewasakan pemikiran mereka."

- Muhamad Syafiq Abdul Kahar,
Ijazah Sarjana Muda Sastera,
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia (UPM)



"Tanggungjawab senior semestinya selaku pemudahcara bagi junior. Senior semestinya lebih berpengalaman hal-hal di universiti sama ada formal maupun tidak, justeru usah segan mendapatkan nasihat dan pandangan mereka. Malu bertanya sesat jalan."


- Nurul Shuhadah Razali, Sarjana Muda Teknologi Kimia Industri, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

"Senior di kampus boleh bantu junior memberi kefahaman dan bimbingan yang jelas tentang peraturan semasa di kampus. Ia selari dengan konsep 'ta'awun' di dalam Islam iaitu bekerjasama dalam perkara kebaikan kerana niat baiknya untuk melahirkan pelapis mahasiswa yang berkebajikan, matang dan sejahtera."

- Muhammad Danial Akmal Hamdan, Ijazah Sarjana Muda Dakwah & Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

"Salah satu caranya adalah dengan memberi informasi berguna kepada mereka yang kurang berkemampuan dari segi bantuan kebajikan pelajar, wang segera dan bantuan zakat. Hal ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan sedikit bebanan mereka."

- Mohd Zulkamal Mohd Said,
ISMP Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi)



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SENIOR KEPADA JUNIOR, APA KOMEN ANDA?

Apabila melangkah memasuki alam universiti, perkara pertama yang harus disedari ialah ia mempunyai budaya, cara hidup dan pengisian yang jauh berbeza dari alam persekolahan. Sudah tentu,

untuk menjadi 'guru' kepada pelajar junior ini perlukan orang berpengalaman seperti pelajar senior. Namun, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh senior dalam membantu pelajar junior ini?

"Pada pendapat saya, sebagai seorang senior yang bertanggungjawab, kita perlulah menanamkan sifat sentiasa berkhidmat kepada pelajar supaya mereka dapat mengadaptasikan diri dengan suasana yang baru."

- Shazwana Azmi, ISMP Kesusteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi)

"Pada pendapat saya, peranan senior adalah untuk memberi bimbingan dan juga panduan awal kepada pelajar baharu baik dari segi akademik maupun sosial."

- Mohammad Hafizul Yusran, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM)

"Saya akan menasihati mereka agar janganlah hidup seperti katak di bawah tempurung dan mengamalkan konsep 3K (Kuliah, Kafe, Katil) sepanjang menuntut di universiti. Berusahalah untuk mencari dan meningkatkan kemahiran nilai tambah ('soft skills') dalam diri sama ada di dalam maupun di luar universiti."

- Muhammad Radhi Mohd Dahlan, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM)